

PROSEDUR TAKAFUL INTER-BKAN 2026/2027

1. Apa-apa prosedur isu atau kes kecemasan mestilah mengikut turutan yang ditetapkan dalam Struktur Kebajikan MPMMJ, iaitu:
 1. Persatuan Zon (PZ)
 2. Badan Kebajikan Anak Negeri (BKAN)
 3. Unit Zakat dan Sedekah (UZS)
2. Selepas PZ dan BKAN selesai melakukan urusan di pihak mereka, wakil BKAN boleh menghubungi mana-mana Ahli Panel Inter-BKAN bagi menuntut wang daripada Tabung Caruman Inter-BKAN.
 - Pihak BKAN mestilah menjelaskan kronologi kes, maklumat mangsa, masa dan tempat kejadian serta maklumat lain yang berkaitan.
 - Semua maklumat ini mestilah disahkan oleh pihak MPMMJ atau PZ.
3. Pihak UZS akan melakukan perbincangan dengan AMT BKAN yang terlibat melalui platform Whatsapp terlebih dahulu.
 - Jika berlaku perselisihan maklumat antara pihak BKAN dan UZS, perbincangan melalui platform Google Meet akan dilakukan.
 - Jika kecemasan tersebut memenuhi kriteria yang termaktub dalam polisi, kes tersebut akan dipertimbangkan.
4. Pihak UZS akan mencadangkan nilai tuntutan yang sesuai.
 - Ini akan diambil berdasarkan jenis kemalangan, baki wang dalam tabung IB, tempoh sesi yang berbaki dan faktor-faktor lain.
 - Proses rundingan akan dilakukan dengan pihak BKAN hingga mendapat persetujuan bersama.
5. Setelah mendapat kata putus berkenaan wang tuntutan, pihak BKAN perlu mengisi Google Form tuntutan Inter-Bkan yang disediakan oleh pihak UZS dalam portal rasmi UZS.

- Google Form tuntutan Inter-BKAN akan diisi oleh Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua.

6. Wang akan dipindahkan oleh UZS ke akaun mangsa kecemasan.

LANGKAH APABILA MENGHADAPI MUSIBAH

Langkah 1: Mangsa menghadapi masalah kebajikan seperti kebakaran, kecurian dan lain-lain.

Langkah 2 : Mangsa hendaklah merujuk terus kepada Unit Taawun Persatuan Zon masing-masing bagi menjalankan tindakan susulan kepada entiti yang berkaitan.

Langkah 3: Unit Taawun akan mengenalpasti masalah dan mencari segala maklumat untuk dimaklumkan kepada AMT PZ yang berkaitan dengan pelajar.

Sekiranya pelajar perlukan bantuan dalam jumlah kecil:

- Unit Taawun PZ akan berhubung terus dengan AMT PZ untuk memohon sumbangan dan respon tentang jumlah sumbangan yang boleh diberikan.

Sekiranya pelajar memerlukan bantuan dalam jumlah yang besar

- Unit Taawun PZ akan berhubung dengan Unit Taawun MPMMJ untuk tindakan susulan dengan berhubung terus kepada BKAN rasmi pelajar untuk memohon sumbangan.
- BKAN yang mencarum Inter-BKAN akan diberi galakan oleh Unit Taawun MPMMJ dan boleh berhubung dengan panel UZS yang terlibat untuk tuntutan InterBKAN mengikut prosedur yang ditetapkan.

AHLI PANEL UZS:

1. Wan Mohd Ayyad Rabbany bin Wan Ahmad Faisal (+60136759620)
2. Ainul Nawwarah binti Rusmadi (+601169972735)
3. Maryam Humeira binti Khairul Amran (+60132638092)